



SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/08/21_19

McDONALD'S MALAYSIA DAN TNB PERKUKUH KERJASAMA DALAM USAHA PERCEPAT PERALIHAN TENAGA MALAYSIA

McDonald's Malaysia dan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** memperkukuhkan lagi kerjasama strategik dalam menyalurkan tenaga bersih dan membawa mobiliti hijau lebih dekat dengan masyarakat, di samping membantu penglibatan perniagaan dan komuniti di dalam peralihan Malaysia ke arah masa depan tenaga yang lebih bersih dan mampan.

Satu kerjasama. Tiga penyelesaian. Satu aspirasi bersama – memastikan peralihan tenaga kekal praktikal dan mudah diakses. Kerjasama ini hadir dengan tiga penyelesaian yang saling melengkapi – solar bumbung menerusi Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (*Supply Agreement with Renewable Energy, SARE*), tenaga elektrik boleh baharu melalui Tarif Elektrik Hijau (*Green Electricity Tariff, GET*) TNB, dan mobiliti hijau menerusi kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV) TNB Elektron – kesemuanya disokong oleh ekosistem tenaga dan infrastruktur grid TNB yang meluas.

Kerjasama yang disaksikan Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, ditandai dengan pemeteraian perjanjian SARE bagi fasa seterusnya program solar bumbung McDonald's, penyampaian sijil GET, dan pelancaran rasmi fasiliti pengecasan EV TNB Elektron di McDonald's Pandu-Lalu Batu Kawan.

Kerjasama ini turut menyokong aspirasi peralihan tenaga dan kecekapan tenaga negara, termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP) 2.0, serta menyumbang kepada pelaksanaan Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang.

SATU KERJASAMA, TIGA PENYELESAIAN PRAKTIKAL

Chow Kon Yeow berkata, "Penglibatan sektor swasta amat penting dalam memacu tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga. Kerjasama ini menjadi bukti bagaimana perniagaan dapat menterjemahkan aspirasi tenaga negeri dan Malaysia kepada tindakan yang praktikal, di samping membawa tenaga bersih dan mobiliti hijau lebih dekat dengan masyarakat."

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Dato' Haji Azmir Jaafar, berkata, "Inisiatif yang digerakkan merupakan sebahagian penting daripada pelan hala tuju kelestarian kami, serta menyokong usaha kami dalam mengurangkan pelepasan karbon melalui peralihan kepada sumber tenaga yang lebih bersih dan memastikan operasi kami

kekal berdaya tahan untuk masa hadapan. Kami berbangga menerima TNB sebagai rakan strategik dalam perjalanan ini, selaras dengan usaha kami untuk memperluaskan amalan mampan di seluruh rangkaian restoran kami.”

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad, berkata, “Peralihan tenaga berlaku di mana masyarakat tinggal, bekerja dan bergerak. Melalui kerjasama dengan McDonald’s ini, kami membawa tenaga bersih dan mobiliti hijau lebih dekat dengan pelanggan, dan dalam masa sama membolehkan perniagaan memainkan peranan dalam agenda peralihan tenaga Malaysia bagi menyokong NETR. Inilah bukti bagaimana kerjasama strategik dapat menterjemahkan aspirasi kepada tindakan praktikal.”

TENAGA BERSIH UNTUK PERNIAGAAN

Melalui inisiatif terbaharu ini, sistem solar atap akan diperkenalkan di 51 restoran McDonald’s tambahan, dengan anggaran kapasiti gabungan sebanyak 1.685 megawatt-peak (MWp). GSPARX Sdn. Bhd., anak syarikat TNB, akan membangunkan, mengendalikan dan menyelenggara sistem tersebut, dengan pelaksanaan dijangka bermula pada 2026 dan siap pada 2027.

Program solar yang diperluaskan ini merupakan kesinambungan kerjasama yang dimulakan pada 2023 menerusi perjanjian yang melibatkan 100 restoran McDonald’s Pandu-Lalu terpilih.

SARE membolehkan perniagaan menggunakan tenaga solar atas bumbung tanpa menanggung pelaburan awal yang besar, manakala GSPARX menguruskan pembangunan, operasi dan penyelenggaraan sistem tersebut. Perluasan program ini meneruskan usaha berterusan McDonald’s Malaysia dalam meningkatkan penggunaan tenaga solar serta mengintegrasikan tenaga boleh baharu dalam operasi restorannya.

McDonald’s Malaysia turut melanggan GET – melibatkan sehingga 285 restoran atau akaun elektrik – yang kini merekodkan jumlah penggunaan elektrik purata sekitar 15.5 GWh sebulan. Ini menjadikan McDonald’s syarikat restoran perkhidmatan segera (*quick-service restaurant*) pertama dan terbesar di Malaysia yang melanggan GET.

MOBILITI BERSIH UNTUK PELANGGAN

Kemudahan TNB Electron di McDonald’s Pandu-Lalu Batu Kawan merupakan lokasi pertama TNB Electron dalam sektor makanan dan minuman. Ia dilengkapi pengecas pantas DC berkapasiti 200kW dengan dua titik pengecasan, dengan kapasiti perluasan kepada empat titik pengecasan. Kemudahan ini telah disalurkan bekalan elektrik pada 15 Mei 2026.

Beroperasi 24 jam sehari, kemudahan ini membolehkan pengguna EV mengecas kenderaan ketika menikmati hidangan, berehat atau meneruskan perjalanan. Dengan lokasi strategik

S.A. 2026/08/21_19

berhampiran Lebuhraya Batu Kawan dan Taman Perindustrian Batu Kawan, kemudahan ini memberi lebih pilihan pengecasan buat pengguna lebuh raya, kenderaan industri serta masyarakat sekitar Seberang Perai, di samping menempatkan kemudahan pengecasan EV di lokasi yang menjadi tumpuan pelanggan untuk bergerak, menjamu selera dan meluangkan masa.

Kemudahan pengecasan TNB Electron turut dirancang untuk diperkenalkan di beberapa restoran McDonald's lain di seluruh negara, dengan lokasi dan jadual pelaksanaan akan diumumkan kemudian.

MEMPERKASA PERALIHAN TENAGA PADA SKALA BESAR

Sehingga 30 Jun 2026, portfolio SARE TNB telah mencapai 183 MWp merangkumi 442 projek, manakala TNB Electron mengoperasi 68 stesen pengecasan dengan 214 titik pengecasan di seluruh negara.

Grid dan ekosistem tenaga TNB menjadi tulang belakang dalam mengintegrasikan tenaga boleh baharu, menyokong penggunaan tenaga elektrik hijau serta membolehkan elektrifikasi yang diperlukan untuk memperluaskan penyelesaian tenaga bersih dan mobiliti hijau.

inisiatif solar bumbung, GET dan TNB Electron mencerminkan bagaimana TNB dan McDonald's Malaysia bekerjasama sebagai rakan strategik untuk membawa peralihan tenaga lebih dekat kepada kehidupan seharian — menyediakan tenaga yang lebih bersih untuk perniagaan, mobiliti yang lebih hijau untuk masyarakat, serta infrastruktur dan ekosistem yang diperlukan untuk memperluaskan penyelesaian ini di seluruh Malaysia.

Dikeluarkan di Pulau Pinang pada 21 Ogos 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

McDonald's Malaysia

Afni Adnan +603 7843 3234

Afni.Adnan@my.mcd.com

Burson Malaysia

Skye Haw: +60182145414

SkyeSH.Haw@bursonglobal.com

TNB

Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

or Email: media@tnb.com.my



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (dua dari kanan), menyampaikan sijil Green Electricity Tariff (GET) kepada Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Dato' Haji Azmir Jaafar (tiga dari kiri).

Turut menyaksikan penyerahan tersebut ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (tengah); EXCO Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat Pulau Pinang, Goh Choon Aik (dua dari kiri); Pengarah McDonald's Malaysia, Datuk Seri Mohammed Nasir Rakhir (belakang); Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Kamal Ariffin A. Rahman (kiri); dan Ketua Pegawai Pelanggan TNB (Government and Large Business), Iskandar Md Hussein (kanan) di McDonald's Pandu-Lalu Batu Kawan, Pulau Pinang, hari ini (21 Ogos 2026).

McDonald's Malaysia akan melanggan GET melibatkan sehingga 285 restoran atau akaun elektrik, sekali gus menjadikannya syarikat restoran perkhidmatan segera pertama dan terbesar di Malaysia yang melanggan GET.



Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, diiringi EXCO Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat Pulau Pinang, Goh Choon Aik (kiri); Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (dua dari kiri); dan Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Dato' Haji Azmir Jaafar (kanan) melancarkan kemudahan pengecasan EV TNB Electron di McDonald's Pandu-Lalu Batu Kawan, Pulau Pinang, dengan mengetik kad pembayaran simulasi pada terminal pengecasan.

Kemudahan ini dilengkapi pengecas pantas DC berkapasiti 200kW dengan dua titik pengecasan, dengan kapasiti perluasan kepada empat titik pengecasan, dan telah menerima bekalan elektrik pada 15 Mei 2026. Ia merupakan lokasi pertama TNB Electron dalam sektor makanan dan minuman.